

venny@uny.ac.id

Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu

Malay World & Civilisation Journal of Translation

Jilid 1
Volume

Bilangan 1
Number

ISSN 2180-043X

Disember 2009
December

Makalah/Articles

- Variasi-variasi dalam Dialek Tsou
PAUL LI JEN KUEI 5 - 25
- Batu Nisan Hamzah Fansuri
CLAUDE GUILLOT & LUDVIK KALUS 27 - 49
- Perjalanan Menuju ke Jalaluddin Rumi
ANNEMARIE SCHIMMEL 51 - 60
- Kaedah Peperangan
XUN ZI 61 - 88
- *Awrad Al-Ayyam Wa Layali*
SHAYKH AKBAR MUHYI AL-DIN IBN ^CARABI 89 - 115
- Beberapa Catatan tentang *Kaba Cindua Mato*: Satu Contoh Sastera
Tradisional Minangkabau
TAUFIK ABDULLAH 117 - 137
- Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan
Aminuddin Baki
TAN YAO SUA 139 - 166
- Gugon Tuhon
S. PADMOSOEKOTJO 167 - 171
- *Sanzi Jing*: Syair Asuhan Anak-Anak Cina
WANG YING-LIN 173 - 182
- Fath al-Rahman
ZAKARIYA AL-ANSARI 183 - 199
- Meriwayatkan Tragedi dalam Tradisi Epik: Wira Kecundang dalam
Hikayat Pocut Muhamat
NORIAH TASLIM 201 - 219

Dokumentasi/Documentation

- Sastera Jerman dalam Bahasa Malaysia: Sebuah Bibliografi Ringkas;
German Literature Translations in Malay - A Short Bibliography
HOLGER WARNEK 221 - 226



Institut Alam & Tamadun Melayu
Institute of the Malay World and Civilisation



Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu

Malay World & Civilisation Journal of Translation

Jilid 1 Bilangan 1 ISSN 2180-043X Disember 2009
Volume 1 Number 1 December

Makalah/Articles

- Variasi-variasi dalam Dialek Tsou
PAUL LI JEN KUEI 5 - 25
- Batu Nisan Hamzah Fansuri
CLAUDE GUILLOT & LUDVIK KALUS 27 - 49
- Perjalanan Menuju ke Jalaluddin Rumi
ANNEMARIE SCHIMMEL 51 - 60
- Kaedah Peperangan
XUN ZI 61 - 88
- *Awrad Al-Ayyam Wa Layali*
SHAYKH AKBAR MUHYI AL-DIN IBN ^CARABI 89 - 115
- Beberapa Catatan tentang *Kaba Cindua Mato*: Satu Contoh Sastera
Tradisional Minangkabau
TAUFIK ABDULLAH 117 - 137
- Perkembangan Pendidikan di Malaysia: Peranan Lim Lian Geok dan
Aminuddin Baki
TAN YAO SUA 139 - 166
- Gugon Tuhon
S. PADMOSOEKOTJO 167 - 171
- *Sanzi Jing*: Syair Asuhan Anak-Anak Cina
WANG YING-LIN 173 - 182
- Fath al-Rahman
ZAKARIYA AL-ANSARI 183 - 199
- Meriwayatkan Tragedi dalam Tradisi Epik: Wira Kecundang dalam
Hikayat Pocut Muhamat
NORIAH TASLIM 201 - 219

Gugon Tuhon

S. PADMOSOEKOTJO

Gugon (*gugonan, gugon-gugonen*) bererti sifat yang mudah sekali mempercayai sesuatu yang dikatakan orang lain atau ke atas dongeng. *Tuhon* pula adalah sifat yang mudah mentaati sesuatu baik yang dikatakan orang lain atau terhadap dongeng. Jadi, takrifan kata *gugon tuhon* ialah:

1. Sifat yang mudah mempercayai dan melaksanakan apa saja yang dikatakan orang atau dongeng yang sesungguhnya tidak perlu dipercayai, apa lagi dilaksanakan.
2. Sebagai kata nama, kata ini bererti percakapan atau dongeng (oleh orang yang mempercayai *gugon tuhon*) dianggap mempunyai kekuatan.

Sebagai istilah, *gugon tuhon* boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu:

1. *Gugon tuhon kang salugu*
2. *Gugon tuhon* yang berisi *wasita sinandhi*
3. *Gugon tuhon* yang termasuk *wewaler* (larangan) atau *pepecuh*

Contoh setiap kumpulan itu boleh dilihat di bawah ini:

Gugon Tuhon kang Salugu

1. *Aja mangan koredan, mundhak guneme mencla-mencle* 'jangan makan sisa makanan yang tertinggal pada pinggan, nanti apa yang dicakapkan selalu berubah-ubah atau tidak mempunyai ketetapan hati'.
2. *Aja mangan brutu, mundhak guneme mencla-mencle* 'jangan makan ekur ayam, nanti apa yang dicakapkan selalu berubah-ubah atau tidak mempunyai ketetapan hati'.
3. *Aja mangan tlampik, mundhak ditampik dening wanita (tumprap wanita mundhak ditampik dening priya)* 'jangan makan sayap ayam di bahagian hujung, supaya jika lelaki tidak ditolak perempuan, dan jika perempuan tidak ditolak lelaki'.
4. *Aja mangan gedhang dhempet, mundhak ing tembe darbe anak kembar utawa dhampit* 'jangan makan pisang dempet, supaya pada masa depan nanti tidak mempunyai anak kembar siam'

Gugon tuhon yang berisi *wasita sinandhi* ini adalah nasihat yang tersamar (nasihat yang dirahsiakan) supaya anak atau orang lain yang diberi nasihat dapat mentaatinya. Nasihat itu tidak disampaikan berterus-terang, tetapi

disembunyikan dan diganti dengan nasihat yang lebih bersifat ancaman atau yang menakutkan.

1. *Aja lungguh ing ngarep lawang, mundhak wong sing nglamar mbalik* 'jangan duduk di depan pintu, agar orang yang ingin melamar tidak pergi'. *Gugon tuhon* ini adalah nasihat, tetapi agar yang dinasihati itu mematuhi, maka diberi ancaman yang menakutkan. Kenyataan sebenarnya ialah orang yang duduk di depan pintu itu selain menghalangi orang lain yang ingin masuk, tetapi juga boleh menyebabkan sakit kerana tiupan angin yang masuk melalui pintu tersebut.
2. *Aja lungguh ana ing bantal, mundhak wudunen* 'jangan duduk di atas bantal, menyebabkan bisulan'. Orang yang duduk di atas bantal, selain terlihat tidak senonoh, juga membuat bantal yang diduduki itu kotor.
3. *Aja ngidoni sumur, mundhak lambe suwing* 'jangan membuang ludah ke dalam perigi, dapat membuat bibir menjadi sumbing'. Kenyataannya ialah ludah yang jatuh ke dalam perigi itu akan menyebabkan kualiti air di dalamnya menjadi tidak baik, apalagi jika orang yang meludah itu mempunyai penyakit berjangkit yang dapat menjangkiti orang lain melalui air ludah.
4. *Aja kudungan kukusan, mundhak dicaplok baya* 'jangan berkerudung kukusan [alat yang dipakai untuk menanak beras, diperbuat daripada anyaman bambu yang dibentuk seperti corong - pencatat penterjemah], jika melanggarnya akan dimakan buaya'. Kenyataannya ialah kukusan adalah barang yang mudah rosak, jika dipakai sebagai kerudung dapat kotor dan rosak, selain itu jika berkerudung kukusan, sewaktu-waktu dapat jatuh kerana mata tertutup oleh kukusan.
5. *Aja nglungguhi sapu, mundhak dicakot lintah* 'jangan duduk di atas penyapu, dapat digigit lintah'. Kenyataannya ialah penyapu adalah alat untuk membersihkan sampah, jadi pasti kotor. Boleh juga penyapu itu menjadi tempat berkumpulnya kuman dan serangga halus yang menjadi punca penyakit. Jika ada orang duduk di atasnya, bukan sahaja pakaiannya menjadi kotor, tetapi juga badannya dirayapi serangga halus atau terkena penyakit akibat kuman yang menempel pada penyapu itu.
6. *Ujarmu (kaulmu, nadarmu) kudu tumuli koluwari, mundhak kowe dicakot ula* 'jika bernadzar, mesti segera dilaksanakan; jika tidak, akan digigit ular'. Kenyataannya ialah orang yang mempunyai nadzar mesti segera dilaksanakan, apalagi jika hal ehwal itu sudah kedengaran orang ramai. Jika tidak segera dilaksanakan, dia tidak akan dipercayai orang lain, maka dia mendapat malu akhirnya. Jika tidak sanggup melaksanakannya, lebih baik tidak perlu mengucap nadzar.
7. *Janjimu rak arep menehi potlot aku. Lah endi? Yen ora sida, kowe mesthi timbilen, lo!* 'janjimu akan memberi aku pensil. Ya mana? Kalau

- tidak jadi, kamu mesti akan tumbuh bisul pada mata'. Kenyataannya ialah orang yang sudah berjanji akan memberi sesuatu itu mesti mengotakannya. Jika tidak, dia dianggap berkhianat kerana mengingkari janji. Mengingkari janji termasuk tindakan yang tercela.
8. *Barang wis kowenehake, aja kojuluk bali, mundhak kowe gondoken* 'barang yang sudah terlanjur diberikan kepada orang lain jangan diminta balik, nanti mengakibatkan lehermu menjadi bengkak'. Orang yang sudah memberi kemudian meminta balik barangnya itu adalah perbuatan yang tidak baik, memalukan, kerana mengecewakan orang lain.
 9. *Bocah wadon uwis prawan, yen wis wayah rep aja dolan, ora ilok* 'anak gadis, jika hari sudah menjelang malam tidak boleh pergi ke luar, tidak baik'. Anak gadis memang tidak baik pergi pada malam hari kerana berbahaya, mudah terkena godaan. Kata *prawan* 'gadis' jika ditakrifkan berasaskan *kerata basa* 'ialah *pepara ing wayah awan* 'bepergian di waktu siang'. Jika pada malam hari tidak digalakkan. Makna yang sebenar berasal daripada kata *prawa* yang bererti sinar atau cahaya. Jadi, *prawan* ertinya sedang mengeluarkan sinar yang sangat terang dan indah.
 10. *Menawa mangan, ajange aja kosongga, orailok* 'jika makan, pingganja jangan disangga, tidak baik'. Penjelasannya ialah pinggan adalah peralatan makan yang mudah jatuh jika terkena tangan. Jika sudah terjatuh, apalagi ada makanan di dalamnya, orang itu terpaksa mesti menahan lapar.
 11. *Aja mangan karo ngadeg, mundhak wetenge jadi dawa* 'jangan makan sambil berdiri, kerana perut akan menjadi panjang'. Penjelasannya adalah bila makan kita mesti mengikut tatanya. Tidak hanya mesti duduk, tetapi juga tidak boleh lupa tidak boleh makan sambil bercakap, selain jika mengunyah harus dengan bibir tertutup. Jika memakai sudu, cara memegangnya mesti memakai aturan yang baik. Jika mengunyah jangan sampai berbunyi. Sesudah makan, jangan sampai mengeluarkan suara perut.
 12. *Bocah wadon aja lungguh jegang, ora ilok* 'anak gadis tidak boleh duduk dengan menekuk kaki ke atas, tidak baik'. Duduk dengan menekuk kaki ke atas ialah perbuatan yang tidak sopan, walaupun dilakukan oleh anak lelaki. Jika yang melakukannya itu anak gadis, duduk dengan cara tersebut, ia tidak hanya melanggar kesopanan, tetapi juga memalukan. Jika duduk di lantai lebih baik untuk anak gadis itu duduk dengan kedua-dua kaki ditebuk, telapak kaki menyangga punggung atau 'duduk bersila dengan lutut dinaikkan'.
 13. *Yen kebener ana tundan (lumrahe ing wayah sore), gedheg pagering omah kudu digebyagi, mundhak ana lelembut wadya balane Nyai Rara Kidul sing kari tumemplek ing gedheg.* 'jika kebetulan ada *tundan*

(biasanya pada waktu petang), dinding buluh yang menjadi pagar rumah mesti dipukul-pukul dengan telapak tangan, supaya tidak ada makhluk halus kawan-kawan Nyai Rara Kidul yang tertinggal dan menempel pada dinding buluh'. *Tundan* ertinya dilakukan dengan ditunda-tunda yang mesti dilakukan. *Tundan* sebenarnya adalah suara biasa sahaja, bukan suara daripada Nyai Rara Kidul yang berangkat menuju ke gunung Merapi. Suara gemuruh yang pertama kedengaran orang yang tinggal di daerah pesisir pantai itu suara deburan ombak ataupun ombak yang terbawa tiupan angin. Oleh sebab orang yang tinggal di pesisir memberi khabar kepada orang yang bermukim di sebelah utara desa dengan cara membunyikan *kentongan*, *lesung*, dan lain-lain. Orang di sebelah utara desa mengkhabarkan juga kepada orang di desa sebelahnya. Begitulah seterusnya. Tiupan angin yang membawa suara gemuruh itu terkadang juga membawa kuman penyakit. Orang tua suruh memukul dinding bambu di rumah dengan maksud agar tidak ada penyakit yang menempel di dinding bambu, sehingga membahayakan kesihatan.

Gugoh Tuhon yang Termasuk *Wewaler* 'larangan' atau *Pepacuh*

1. Putra Wayahe Panembahan Senapati 'anak cucu Panembahan senapati' ketika sedang berperang tidak boleh menunggang *batilan*
2. Orang di Banyumas tidak boleh berpergian pada hari *Sabtu Pahing*
3. Orang Kendal (yang termasuk suku bangsa Jawa) tidak boleh membuat *omah gedhong* 'rumah mewah'.
4. Orang di Kudus yang tinggal di timur sungai tidak boleh menikahkan anaknya dengan orang yang tinggal di barat sungai
5. Orang di Bagelan tidak boleh memakai kain dan penutup kepala yang bermotifkan *gadhung mlathi*.
6. Orang asli Bagelan (orang kampung Bagelan yang asli), tidak boleh memelihara lembu.

Gugon tuhon yang termasuk *wewaler* (larangan) atau *pepacuh* ini biasanya berasal daripada nenek moyang yang menjadi generasi pertama yang bermukim di tempat Banyumas. *Leluhur* (nenek moyang) yang bermukim di tempat tersebut biasanya pernah menemui kejadian dan kemalangan yang tidak menyenangkan pada saat melakukan suatu hal. Oleh itu, nenek moyang yang mengalami kejadian itu membuat larangan untuk memastikan anak cucu dan keturunannya tidak mendapatkan kemalangan yang sama. Misalnya; Sewaktu Panembahan Senapati berperang melawan Arya Penangsah di Jipang, dia menaiki kuda yang berambut *batilan* [kuda yang rambutnya dipotong pendek catatan penterjemah]. Kuda yang dinaiki Arya Penangsang bernama *Gagak Rimang*. Setelah kedua satria ini sudah akan mulai berperang, kuda Panembahan Senapati lari tidak tentu arah. Panembahan Senapati merasa sangat malu dan hampir-hampir

mengalami kemalangan. Oleh itu, Panembahan Senapati kemudian **berpesan** sedemikian: “Semua keturunanku, jika maju perang, jangan menaiki **kuda batilan**”.

Misalan yang lain adalah Adipati dari Banyumas mengalami kemalangan ketika berpergian pada hari *Sabtu Pahing* [nama hari pasaran Jawa yang kelima. Pasaran ialah nama hari yang jumlahnya lima: *Legi, Paing, Pon, Wage dan Kliwon* catatan penterjemah). Sang Adipati kemudian melarang anak cucunya untuk berpergian pada hari *Sabtu Pahing*. Sampai sekarang, masih ramai orang di Banyumas tidak berani melanggar larangan ini, iaitu tidak berpergian pada hari *Sabtu Pahing*.

(Sumber asal dalam bahasa Jawa dengan judul *Gugon Tuhon* yang telah diterbitkan dalam buku *Ngengrengan Kasusastran Djawa*. Yogyakarta: Soejadi, 1953: 69-72)

Penterjemah: Venny Indria Ekowati, BA
Jurusan Pendidikan Bahasa Daerah,
Fakultas Bahasa dan Seni,
Universitas Negeri Yogyakarta,
Kampus Karangmalang Yogyakarta, 55281.
Indonesia

Emel: venny@uny.ac.id